

Headline	Taubat seorang mak nyah		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	21 Apr 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	459,793
Page No	16	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	833 cm ²
Journalist	RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH	AdValue	RM 18,661
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,982



MOHD. KHARIRI (tengah) bersama rakannya, Mohd Al Hafis Mohamed Amin (berbaju kuning) memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada Azza.

Oleh RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH
adawiyah.koh@utusan.com.my

"JANGAN ditanya kenapa saya jadi begini. Jauh di sudut hati, saya ingin berubah. Tapi saya terpaksa akur, segalanya susah tanpa kekuatan diri dan sokongan orang lain," ujar Azza (bukan nama sebenar).

Azza tidak pernah minta dirinya menjadi sedemikian rupa. Tambahnya, sejak zaman kanak-kanak, dia memang seorang yang lembut.

Namun tersemat rasa kecewanya dengan tanggapan negatif sesetengah masyarakat

Taubat seorang mak nyah



AZZA (bukan nama sebenar) ingin kembali ke pangkal jalan.

terhadap golongan mak nyah atau pondan sepertinya.

"Janganlah hina kami. Kebanyakan kami tak pernah menyakiti hati orang lain tetapi sebenarnya orang yang banyak menyakiti hati kami. Saya sedih apabila orang cuba mendiskriminasi kami. Itu membuatkan kami takut untuk bertaubat," ujarnya.

Menyorot bagaimana Azza meneruskan kehidupan, dia tidak mempedulikan cacian masyarakat.

Azza mengakui ramai yang tidak senang dengan kehidupannya mencari rezeki sebagai mak nyah di tepi jalan pada waktu malam yang terletak di Klang, Selangor.

Ditanya, adakah Azza sudah berputus asa dan tidak mahu mengubah kehidupan gelapnya itu?

Pertanyaan itu disambut dengan pengakuan jujur dan ikhlas daripadanya.

"Tiada siapa yang mahukan kehidupan seperti ini. Saya sendiri mahukan pekerjaan lain. Saya seorang Islam. Saya tahu menjadi mak nyah itu haram. Tapi apakan daya, saya belum kuat lagi. Buat masa ini, saya ada berjumpa dengan teman lama yang sudah bertaubat saya minta diberi tunjuk ajar.

Saya berharap saya akan mendapat pedoman suatu hari nanti dan menjadi seorang Muslim yang berguna. Saya sedar kehidupan sebegini tiada kesudahan. Saya mahu bertaubat," ujarnya ketika ditemui di Persatuan Kebajikan Darul Modahish (PKDM) yang terletak di 58 A dan 58 B, Jalan Tengku Badar, Klang, Selangor baru-baru ini.

Perangi LGBT

Presiden PKDM, Mohd Khariri Ramli memberitahu, objektif penubuhannya ialah untuk membantu mereka yang tergolong dalam kumpulan lesbian, gay, bisexual dan transgender (LGBT)

Ini termasuklah ibu bapa yang mahukan satu bentuk kursus pemulihan LGBT khusus buat anak mereka.

"Orang ramai boleh datang secara individu

Saya sendiri ada pengalaman sebagai mak nyah dan berdasarkan itu saya gunakan untuk membantu orang lain

- Mohd. Khariri



PENYAKIT HIV/Aids berpunca daripada seks bebas akibat masalah LGBT.

untuk mendapatkan khidmat kaunseling berkaitan masalah LGBT termasuk isu mak nyah, homoseksual, lesbian dan sebagainya.

"Saya sendiri ada pengalaman sebagai mak nyah dan berdasarkan itu saya gunakan untuk membantu orang lain," ujarnya.

Selain itu, antara aktiviti operasi utama PKDM ialah memberi pendedahan serta maklumat kepada orang ramai tentang kesan penyakit akibat LGBT seperti AIDS.

"Kami mahu membantu golongan ini kembali ke pangkal jalan, diberi latihan dan kaunseling. Di sini terdapat kemudahan seminar, penginapan dan makanan. Kumpulan sasar boleh menghubungi PKDM untuk dipulihkan. Kita patut membantu mereka bukannya menyalah atau mendiskriminasi mereka.

"Sebaliknya, kita perlu sama-sama memerangi LGBT. Dalam pada itu, golongan remaja perlu diajak untuk mengubah diri mereka sekiranya ada tanda-tanda awal terlibat dengan gejala songsang," katanya.

Mohd Khariri memberitahu, tambahan dana masih diperlukan untuk menguruskan

INFO

Lesbian Perempuan yang mengadakan hubungan seks sesama perempuan dan wanita homoseksual.

Gay Homoseksual iaitu orang yang tertarik nafsu syahwatnya kepada orang yang sejenis dengannya, terutamanya antara lelaki dengan lelaki.

Bisexual Dwiseksual (Lelaki yang membuat hubungan seks dengan wanita dan lelaki. Juga wanita yang membuat hubungan seks dengan lelaki dan wanita).

Transgender Lelaki yang tingkah lakunya seperti wanita dan wanita yang tingkah lakunya seperti lelaki.